

Headline	CCRC selamat dikunjungi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	13 Aug 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p9	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,243
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,729



# CCRC selamat dikunjungi

*Orang ramai, penduduk berhampiran tidak perlu bimbang dijangkiti HIV/Aids*



Abdullah (duduk, empat kiri) bersama tetamu jemputan dan kakitangan CCRC Sungai Ruan.

**SUNGAIRUAN**-Masyarakat daerah ini terutama penduduk berhampiran Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC) Sungai Ruan tidak perlu khuatir terhadap penularan virus HIV/Aids.

Pengerusi Lembaga Pelawat CCRC Sungai Ruan, Datuk Abdullah Abu Bakar berkata, penghuni di situ yang menghidap penyakit itu mendapat kawalan rapi.

Menurutnya, masyarakat juga dinasihatkan supaya tidak menganggap pusat berkenaan sebagai tempat mengumpul pesakit HIV/Aids.

"Kita tidak seharusnya memandang serong kepada CCRC Sungai Ruan ini terutama penghuni yang menghidap HIV/Aids walaupun jumlah mereka agak tinggi.

"Semua keadaan terkawal dan proses pelaksanaan menjaga mereka mengikut prosedur seperti yang ditetapkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Berbuka Puasa CCRC Sungai Ruan, di sini.

Turut hadir, Pengarah CCRC Sungai Ruan, Rosland Hussain; CCRC Raub, Zainuddin Abdullah; CCRC Karak, Chandra Shekar;

CCRC Benta, Ibrahim Abd Ghani; CCRC Jerantut, Rizal Tawil dan ketua kampung setempat serta belia dari Felda Kampung Lembah Klau.

Abdullah berkata, biarpun ketika ini CCRC Sungai Ruan menampung 50 penghuni yang menghidap HIV/Aids, tetapi semuanya dalam keadaan selamat dan terkawal.

"Penduduk masih boleh datang ke sini untuk lawatan dan pendedahan bagi tujuan pendidikan sebagai usaha mengekang penularan gejala sosial terutama melibatkan penagihan najis dadah," katanya.